

## Reaksi Masyarakat Setempat Tentang Penggunaan Bahasa Kebangsaan di Papan-Papan Tanda Bahagian Bintulu

Hj Santrol Abdullah, Dewan Bahasa dan Pustaka Sarawak ,Haikal H Zin,Universiti Teknologi MARA Sarawak,Dr. Monaliza Sarbini-Zin,Universiti Malaysia Sarawak,Dr Khairunesa Haji Isa,Universiti Tun Hussin Onn.

### 1. Pengenalan

Menurut Asmah Omar (2008), keadaan sosiopolitik dan etos mengenal pasti identiti nasional merupakan faktor yang menjadikan sesuatu bahasa itu diangkat sebagai bahasa utama dalam sesebuah negara. Sehubungan dengan itu, bahasa-bahasa yang tidak berada dalam garisan sosiopolitik dan etos dalam sesebuah negara akan mengalami satu krisis dalam pengekalannya dan pelestariannya bahasa dan yang akhirnya juga menyebabkan berlakunya krisis identiti dalam sesebuah bangsa. Hal sebegini sering berlaku terhadap bahasa-bahasa peribumi di Sarawak, yang menyaksikan kelompok dalam sesuatu bahasa tidak sama dengan kelompok bangsa pada bahasa tersebut.

Sekiranya hal sebegini berlaku, iaitu bahasa dan bangsa tidak dikelompokkan dalam ranah yang sama, maka akan berlaku krisis identiti sesuatu bangsa serta segala cerminan budaya dan tamadun sesuatu bangsa akan kabur dan samar. Peranan bahasa dalam mewakili dan mencorakkan identiti bangsa telah diakui sejak lamanya. Aziz Deraman, (2009) menyatakan bahawa manusia sering meletakkan asas bahasa sebagai identiti bangsa dan ketamadunan. Tafsiran begini sering diungkapkan dengan

kata-kata seperti bahasa jiwa bangsa atau bahasa menunjukkan bangsa Hassan Ahmad (2001).

Ahmed Deedat, seorang pendakwah Islam yang terkenal pernah berkata “Bahasa adalah kunci kepada hati manusia’. Kunci ini dapat membuka pintu pemisah masyarakat sesebuah negara yang datangnye dari berbilang bangsa, suku kaum dan agama. Bahasa Melayu adalah agen perpaduan yang amat penting dan berpengaruh di Malaysia. Selain daripada menjadi kunci, ia juga menjadi jambatan perpaduan bangsa Malaysia. Bahasa Melayu yang sebelum ini menjadi *lingua franca* rantau Nusantara telah diwartakan dalam undang-undang melalui Perlembagaan, Akta Bahasa Kebangsaan, Akta Dewan Bahasa dan Pustaka 1963 dan Akta Pendidikan di Malaysia. Oleh itu, penggunaan dan penguasaannya sudah sepatutnya berada di paras optima.

Walaupun bagaimanapun, terdapat banyak rungutan dan resahan dari berbagai pihak tentang keadaan apabila bahasa Melayu masih kurang mendapat perhatian dalam pelbagai bidang. Kepentingan bahasa dalam satu keadaan atau persekitaran dapat dilihat dengan jelas melalui tahap penggunaannya samada secara lisan atau tulisan. Seorang penulis Inggeris, Samuel Johnson, pernah berkata, ‘bahasa adalah pakaian fikiran’. Apa yang dipaparkan itulah yang bakal mempengaruhi minda seseorang. Kepentingan sesuatu bahasa dapat diukur dari sejauh mana penggunaannya di sesebuah tempat, dalam konteks kajian ini bahasa utama yang digunakan di sesebuah tempat. Untuk mengenal pasti sejauh mana bahasa Melayu menjadi pilihan utama di sesebuah tempat, ia dapat diperhatikan dengan jelas melalui penggunaannya di persekitaran tempat tersebut.

Kajian yang telah dilakukan ini merupakan satu Kajian Tindakan (*Action Research*). Ia bertujuan untuk meninjau dan mengenalpasti sejauhmanakah Bahasa Kebangsaan

digunakan di kawasan yang populasi majoritinya adalah dalam kalangan Bukan bumiputera dan bumiputera. Kajian ini merupakan Kajian Tindakan (*Action Research*) yang kedua selepas kajian pertama yang telah dilaksanakan dengan jayanya di sekitar Majlis Perbandaran Sibul, Sarawak pada 2013.

Hipotesis kajian adalah Bahasa Kebangsaan di kawasan yang didominasi oleh kaum bukan Melayu dan bumiputera kurang diberi penekanan dan status yang sewajarnya. Hasil kajian ini dapat memberikan gambaran sebenar reaksi masyarakat setempat tentang penggunaan bahasa kebangsaan di papan tanda awam di Bintulu. Selain dari itu, kajian ini juga menjangka kedudukan (*ranking*) Bahasa kebangsaan di kawasan ini jatuh kepada bahasa kedua, atau berkemungkinan bahasa ketiga pada papan-papan iklan dan tanda perniagaan.

Hasil daripada kajian ini dapat memberikan gambaran jelas tentang apa yang berlaku. Justeru, tindakan proaktif dan berhikmah perlu diambil dalam usaha mendukung bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan serta memartabatkan dan melestarikan bahasa kebangsaan ini di bahagian Bintulu.

## 2. Latarbelakang Kajian

### 2.1 Rasional

Kajian ini adalah kajian kedua dari siri kajian tentang penggunaan bahasa di papan-papan tanda di bandar-bandar di Sarawak. Hasil dari andaian dan ditunjangi oleh pemerhatian dan kajian yang pertama, terbukti wujudnya ketidak seimbangan dari segi penggunaan bahasa di papan-papan tanda awam. Bahasa Melayu boleh dikatakan sebagai tidak menjadi bahasa pilihan utama dalam penggunaan. Alasan untuk menjadikan bahasa kebangsaan sebagai pilihan utama juga longgar. Ini kerana syarat-

syarat untuk papan tanda yang di nyatakan di dalam buku garis panduan kerajaan tempatan tidak memberikan sebarang penekanan tentang bahasa kebangsaan sebagai pilihan utama atau menggalakan penggunaan bahasa Melayu secara langsung. Justeru, kajian ini amat penting untuk memastikan bahasa kebangsaan diberikan keutamaan sejajar dengan tarafnya sebagai bahasa kebangsaan, bahasa rasmi dan bahasa ilmu di Malaysia.

Secara khususnya, kajian ini cuba merungkai beberapa persoalan pokok:

1. Adakah bahasa kebangsaan digunakan secara meluas pada papan- papan tanda awam kawasan tersebut?
2. Di manakah kedudukan bahasa kebangsaan dariaspek penggunaannya di kawasan tersebut?
3. Apakah pandangan masyarakat setempat tentang penggunaan bahasa kebangsaan pada papan-papan tanda awam di kawasan mereka?

## 2.2 Rekabentuk Kajian

Kajian ini adalah satu kajian tinjauan berbentuk diskriptif. Secara keseluruhan, ia bertujuan untuk mengkaji tahap kesedaran penduduk setempat terhadap penggunaan bahasa kebangsaan di papan-papan tanda awam di sekitar bandar Bintulu. Kajian ini juga meninjau tahap kefahaman penduduk Bintulu terhadap papan-papan tanda tersebut. Dapatan kajian ini dapat memberikan gambaran sebenar reaksi masyarakat di kawasan kajian terhadap bahasa yang digunakan di papan-papan tanda tersebut. Selain dari itu, kajian ini dapat menentukan kedudukan bahasa kebangsaan dalam segi penggunaannya di kawasan tersebut.

Kajian ini secara khususnya menggunakan borang soal selidik sebagai instrumen kajian. Borang soal selidik dijadikan pilihan alat kajian kerana melalui soal selidik membolehkan pengkaji mendapat data secara serentak dan langsung daripada responden. Data juga diperolehi dari temuramah secara berstruktur (*structured interview*). Responden adalah terdiri daripada pegawai kerajaan dan penduduk awam.

### 2.3 Populasi dan Pensampelan Kajian

Sampel kajian adalah dari penduduk di sekitar bandar Bintulu, Sarawak. Bilangan keseluruhan bagi penduduk di bandar ini adalah dianggarkan seramai 209,800 orang. Komposisi penduduk adalah seperti berikut Iban, Bidayuh, Cina, Melanau/Vaie, Melayu, Kayan, Kenyah, Penan, Punan, Dusun dan Segaan. Populasi sasaran untuk kajian ini adalah penduduk di sekitar bandar Bintulu. Populasi capaian kajian adalah penduduk berusia 20 hingga 80 tahun. Prosedur persampelan adalah kaedah persampelan kebarangkalian secara rawak mudah (*random sampling*).

### 2.4 Lokasi Kajian

Kajian ini dijalankan di sekitar bandar Bintulu dan Tatau sahaja. Oleh kerana kaedah rawak mudah (*random sampling*) yang digunakan, lokasi yang dipilih bagi tujuan untuk mendapatkan responden untuk kajian ini adalah jabatan-jabatan kerajaan, di tempat-tempat awam, seperti, premis perniagaan, syarikat swasta, hotel penginapan, pasar raya, masjid, sekolah, kawasan padang dan rekreasi, premis makanan dan perhentian bas.

### 2.5 Instrumen Kajian

Borang kaji selidik digunakan untuk kajian ini adalah menggunakan bahasa Melayu. Borang soal selidik dibahagikan kepada 4 bahagian berdasarkan objektif kajian sementara bentuk soalan dalam soal selidik ini terdiri dari soalan terbuka dan soalan tertutup. Pembahagian soal selidik kajian adalah seperti berikut:

- i. Bahagian A – Demografi responden
- ii. Bahagian B – Tahap kesedaran penduduk terhadap penggunaan bahasa Melayu
- iii. Bahagian C – Tahap kefahaman penduduk terhadap bahasa yang digunakan
- iv. Bahagian D – Reaksi penduduk terhadap penggunaan bahasa

i. Bahagian A – Faktor Demografi Responden

Bahagian ini mengadungi enam (6) item yang berkaitan dengan faktor demografi responden. Item tersebut adalah

- (1) umur
- (2) pekerjaan dan bangsa
- (3) jantina dan agama
- (4) tempat kelahiran
- (5) bahasa Ibunda
- (6) bahasa harian

ii. Bahagian B – Tahap Kesedaran Penduduk Terhadap Penggunaan Bahasa Melayu

Bahagian ini mengukur tahap kesedaran penduduk terhadap kewujudan papan-papan tanda yang ada di sekitar bandar Bintulu. Selain dari itu ia juga melihat sejauhmana penduduk setempat menyedari bahasa yang digunakan di papan-papan tanda tersebut.

Bagi soalan di bahagian kesedaran penduduk, soalan ini menggunakan skala 2 iaitu (1) Ya dan (2) Tidak manakala bagi soalan penggunaan bahasa yang digunakan, pengkaji telah menggunakan skala 7 iaitu (1) Bahasa Melayu – BM (2) Bahasa Inggeris – BI (3) Bahasa Cina – BC (4) Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris (BM dan BI) (5) Bahasa Cina dan Bahasa Inggeris (BC dan BI) (6) Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris dan Bahasa Cina (BM, BI dan BC); dan (7) Lain-lain. Responden juga turut dikemukakan soalan berstruktur namun terbuka tentang kesedaran mereka mengenai bahasa yang telah digunakan di papan-papan tanda di sekitar Bintulu lima tahun sebelum ini.

### iii. Bahagian C – Tahap Kefahaman Penduduk Terhadap Bahasa Yang Digunakan.

Soalan di bahagian ini mengukur tahap kefahaman penduduk terhadap bahasa yang digunakan di papan-papan anda tersebut. Pengukuran tahap kefahaman penduduk meliputi kefahaman terhadap makna, ejaan, tatabahasa atau bahasa yang digunakan. Sementara pemilihan jawapan di bahagian ini adalah menggunakan skala Likert 3 markat iaitu (3) Tidak Pasti (2) Tidak dan (1) Ya.

### iv. Bahagian D – Reaksi Penduduk Terhadap Penggunaan Bahasa

Bahagian ini menganalisa reaksi penduduk terhadap bahasa yang digunakan di papan-papan tanda di bandar Bintulu. Responden diberi tiga pilihan jawapan iaitu (3) Ya; (2) Tidak dan (3) Tidak Pasti untuk soalan “Adakah anda selesa dengan bahasa yang sedang digunakan di papan-papan tanda sekarang?” Di bahagian ini juga responden diberi soalan berbentuk terbuka yang meminta ulasan kepada pilihan jawapan di atas.

Bahagian ini turut mengutarakan soalan berbentuk terbuka untuk mendapatkan pendapat dan harapan responden terhadap bahasa yang paling sesuai digunakan di

papan-papan tanda di Sibul pada masa sekarang dan hadapan demi untuk kepentingan dan keselesaan bersama.

## 2.6 Kaedah Pengumpulan Data

Proses pengumpulan data dibuat dengan memilih pejabat-pejabat kerajaan sebagai lokasi pertama. Ini diikuti dengan syarikat-syarikat swasta, premis-premis perniagaan, hotel penginapan, pasaraya besar, masjid, sekolah, kawasan padang dan rekreasi, dan kedai-kedai makan. Walaupun secara keseluruhannya, soal selidik mempunyai soalan tertutup, temubual ringkas juga turut dilakukan terhadap responden ketika responden menjawab soal selidik. Ini bertujuan untuk membantu responden memahami dengan lebih dalam soalan yang diutarakan dalam borang soal selidik. Selain daripada edaran borang selidik dan temubual yang dijalankan, kajian ini juga menggunakan kaedah pengambilan gambar papan-papan tanda di bandar Bintulu. Ini bertujuan untuk memberi sokongan bukti kesahihan atau ketidak sahihan dapatan kajian. Lokasi pengambilan gambar adalah seperti pejabat-pejabat kerajaan, syarikat-syarikat swasta, premis-premis perniagaan, hotel penginapan, pasar raya, masjid, sekolah, kawasan padang dan rekreasi, kedai-kedai makan dan sebagainya.

## 2.7 Kaedah Analisis Data

Untuk kajian ini, data yang diperolehi dari borang soal selidik responden dianalisis menggunakan perisian komputer *Statistical Package for Social Science* (SPSS) versi 21.0



## 2.8 Statistik Deskriptif

Statistik deskriptif digunakan untuk menghuraikan ciri-ciri asas responden di bahagian demografi seperti umur, pekerjaan, jantina, bangsa, agama, tempat kelahiran, bahasa ibunda, dan bahasa harian yang digunakan. Dalam analisis ini, skor kekerapan dan peratusan juga digunakan untuk menerangkan tahap kesedaran penduduk terhadap penggunaan bahasa Melayu, tahap kefahaman penduduk terhadap bahasa yang digunakan dan reaksi penduduk terhadap penggunaan bahasa di papan-papan tanda di sekitar bandar Bintulu. Sementara kaedah analisis bagi soalan terbuka pula, jawapan yang diberikan akan dianalisa dan dikelaskan mengikut pengkelasan yang telah ditetapkan.

## 3. Analisis

Kajian ini melibatkan 169 responden yang terdiri dari 84 orang lelaki (49.70%) dan 82 orang perempuan (48.52%). 3 responden (1.78%) tidak menyatakan jantina mereka. Perbezaan antara responden lelaki dan perempuan sangat kecil. Tujuannya adalah agar dapatan kajian dapat digeneralisasikan kepada keseluruhan populasi kajian di sekitar Bandar Bintulu. Dari keseluruhan jumlah tersebut, majoriti responden iaitu sebanyak 64.5% berumur di antara 18-39 tahun manakala selebihnya 33.73% berumur 40 tahun ke atas. Sebanyak 1.8% tidak menyatakan umur mereka. Kajian ini menunjukkan sebanyak 30.77% responden dari kaum Melanau, 23.07% Melayu, 15.98% responden adalah dari kaum Iban diikuti kaum Cina (18.93%) dan lain-lain (11.25%). Walaubagaimanapun, tidak wujud perbezaan yang begitu ketara bagi setiap kaum dalam kajian ini dan dapatan yang diperoleh dapat mengimbangi pendapat semua kaum di bandar Bintulu sekaligus menggambarkan keserumpunan bangsa Malaysia. Julat yang rendah ini menunjukkan bahawa wujudnya keseimbangan dalam pilihan responden yang dipilih.

Sementara itu, responden yang bekerja secara persendirian (55.03%) melebihi responden yang bekerja dalam sektorkerajaan adalah iaitu 40.24%. 4.73% responden tidak menyatakan pekerjaan mereka. Hasil daripada temubual mendapati bahasa Melayu adalah bahasa pilihan dalam pertuturan harian berbanding bahasa lain seperti Cina, bahasa Iban dan juga bahasa Inggeris. Ini menunjukkan bahasa Melayu tetap menjadi amalan dalam perbualan kehidupan harian masyarakat Bintulu walaupun kebanyakan responden terdiri dari berbagai kaum. Dapatan ini secara langsung memberikan refleksi bahwa bahasa Melayu dianggap sebagai bahasa perpaduan dalam kalangan kaum yang pelbagai terutama apabila diamalkan dalam satu daerah yang didominasi oleh masyarakat bukan Melayu. Secara umumnya, keadaan ini berlaku mungkin di atas beberapa sebab:

- Bahasa Melayu adalah bahasa pengantar di sekolah dan pendedahan mereka kepada bahasa tersebut mewujudkan keselesaan terhadap penggunaan bahasa tersebut.
- Pengalaman dan pendedahan kepada bahasa kebangsaan di alam persekolahan membuatkan mereka bersikap terbuka dalam penerimaan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan.
- Bahasa Melayu lebih difahami oleh semua kaum berbanding dengan bahasa-bahasa yang lain.
- Keterbukaan dalam menerima dan mengamalkan bahasa Melayu sebagai bahasa perantaraan harian memudahkan semua kaum di Bintulu dalam melakukan urusan yang melibatkan pelbagai kaum.

Kajian ini secara langsung menunjukkan kebanyakan masyarakat di Bintulu mengakui bahasa Melayu merupakan bahasa kebangsaan Malaysia dan mereka mampu menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa pertuturan harian selain dari bahasa

ibunda mengikut kaum masing-masing. Sifat keterbukaan pelbagai kaum di Bintulu dalam menerima kepelbagaian termasuklah dalam konteks bahasa tidak menimbulkan sebarang masalah kerana setiap kaum mampu menggunakan satu bahasa yang sama dalam kehidupan dan pelbagai urusan harian. Keadaan ini seterusnya mampu menjadi pemangkin dalam mewujudkan perpaduan kaum yang lebih harmoni di Bintulu dan Malaysia amnya.

### 3.1 Tahap Kesedaran Penduduk Terhadap Penggunaan Bahasa Melayu


Dari sudut kesedaran penduduk terhadap kewujudan di papan-papan tanda di sekitar bandar Bintulu, majoriti iaitu 93.5% responden menyedari tentang kewujudan papan-papan tanda tersebut dan hanya sebilangan kecil sahaja (6.5%) yang tidak menyedari kewujudan papan-papan tanda tersebut (Rajah 1). Peratusan yang kecil ini boleh disebabkan oleh beberapa perkara seperti keadaan responden yang baru menetap di bandar Bintulu, responden adalah penduduk luar yang datang melancong ke Bintulu dan sebilangan penduduk yang beranggapan tidak penting untuk mengetahui semua papan tanda yang wujud di bandar Bintulu.

Jadual 1: Kekerapan melihat papan tanda

	Frekuensi	Peratus	Peratus Sahih	Peratus Kamulatif
Valid Ya	158	93.5	93.5	93.5
Tidak	2	1.2	1.2	94.7
Tidak	9	5.3	5.3	100.0

pasti	169	100.0	100.0	
Total				

Rajah 1: Carta Pie menunjukkan kekerapan papan tanda dilihat



Daripada 93.5% responden yang menyedari kewujudan papan-papan tanda di sekitar bandar Bintulu, 52.1% menyatakan bahawa mereka sering melihat papan-tanda yang menggunakan bahasa Melayu sepenuhnya di papan-papan tanda di sekitar bandar Bintulu. Hanya 1.2% daripadanya mendapati bahasa yang dipaparkan di papan-papan tanda tersebut adalah kombinasi bahasa Inggeris dan bahasa Cina, 1.8% dalam bahasa Cina sepenuhnya, 4.7% dalam bahasa Inggeris sepenuhnya. 15.4% responden mengatakan penggunaan kombinasi bahasa Melayu dan bahasa Inggeris sebagai medium penyampai di papan-papan tanda tersebut. Fenomena ini secara langsung menggambarkan bahawa masyarakat setempat percaya bahawa bahasa Melayu adalah bahasa pilihan untuk papan-papan tanda di Bintulu.

Hasil kajian jelas selari dengan Perkara 152 Perlembagaan Persekutuan yang memperuntukan bahasa kebangsaan di Malaysia adalah bahasa Melayu maka penggunaan bahasa Melayu haruslah diutamakan berbanding bahasa-bahasa lain. Walaupun dapatan awal menunjukkan 52.1% responden berpendapat bahasa Melayu adalah bahasa pilihan untuk papan-tanda, namun hakikatnya penzahiran bahasa yang dipamerkan di papan-papan tanda yang wujud di sekitar bandar Bintulu adalah di

sebaliknya khususnya penggunaan pada papan-papan tanda perniagaan dan iklan di Bintulu.

Melalui pemerhatian kumpulan pengkaji, kebanyakan papan-papan tanda di bandar Bintulu menggunakan bahasa Inggeris dan Cina sebagai medium utama. Melalui gambar-gambar papan tanda yang diambil oleh pengkaji, penggunaan bahasa lain seperti bahasa Inggeris dan bahasa Cina lebih menguasai berbanding bahasa Melayu. Walaubagaimanapun, tidak dapat dinafikan bahwa masih wujud papan tanda yang menggunakan bahasa Melayu, tetapi kebanyakan dari papan tanda itu adalah papan tanda milik jabatan kerajaan atau pihak berkuasa tempatan. Penggunaan bahasa Melayu untuk papan tanda milik persendirian dan kain rentang masih kurang digunakan. Apa yang mendorong 52.1% responden mengatakan bahasa Melayu adalah bahasa pilihan masih kurang jelas. Berkemungkinan mereka lebih merujuk kepada papan tanda milik kerajaan atau PBT. Kemungkinan juga kerana kecenderungan responden yang lebih ke arah bahasa Melayu mempengaruhi persepsi mereka.

Jadual 2: Bahasa yang digunakan di papan tanda

	Frekuensi	Peratus	Peratus Sahih	Peratus Kamulatif
Sahih BM	88	52.1	52.1	52.1
BI	8	4.7	4.7	56.8

BC	3	1.8	1.8	58.6
Lain-lain	2	1.2	1.2	59.8
BM, BI & BC	32	18.9	18.9	78.7
BM & BC	7	4.1	4.1	82.8
BI& BC	2	1.2	1.2	84.0
BM& BI	26	15.4	15.4	99.4
Total	169	100.0	100.0	100.0
Missing System Total	1	.6	.6	


### 3.2 Tahap Kefahaman Penduduk Terhadap Bahasa yang Digunakan

Dapatan juga menunjukkan kebanyakan responden (78.7%) faham dengan maksud apa yang dipaparkan di papan tanda di sekitar bandar Bintulu manakala 12.4% tidak memahami. 7.1% memberi komen tidak pasti manakala 1.8% tidak menjawab.

Jadual 3: Kefahaman terhadap maksud papan tanda

	Frekuensi	Peratus	Peratus Sahih	Peratus Kamulatif
Sahih Ya	133	78.7	78.7	78.7
Tidak	21	12.4	12.4	91.1
Tidak pasti	12	7.1	7.1	98.2
Tiada Jawapan	3	1.8	1.8	100.0
Total	169	100.0	100.0	

Rajah 2: Carta Pie menunjukkan kefahaman terhadap maksud papan tanda



Secara umumnya, tahap kefahaman penduduk setempat adalah tinggi. Justeru tidak wujud masalah yang besar dalam aspek kefahaman dalam kalangan masyarakat Bintulu walau apa jua bahasa yang digunakan di papan tanda.

### 3.3 Reaksi Penduduk Terhadap Penggunaan Bahasa

Hasil kajian secara umumnya memberi satu gambaran yang positif. Bahasa Melayu menjadi pilihan dalam penggunaannya di bandar Bintulu. Penerimaan masyarakat setempat terhadap bahasa Melayu juga tidak menjadi satu masalah. Masyarakat dapat dan sudah menerima hakikat bahawa bahasa Melayu adalah bahasa Kebangsaan di Malaysia. Walaubagaimanapun, masih terdapat komen dan rungutan dari responden. Untuk bahagian ini seramai 83.4% responden telah memberi pelbagai komen.

Ada yang menyatakan bahawa terdapat banyak papan tanda yang menggunakan bahasa Cina. Walaupun bahasa ini melambangkan identiti masyarakat setempat, mereka berpendapat bahawa penggunaan bahasa Cina boleh menyebabkan ketidakfahaman untuk orang luar. Responden berpendapat bahawa salah satu tujuan papan tanda adalah untuk kefahaman orang ramai. Oleh itu, bahasa yang digunakan seharusnya bahasa yang difahami umum. Terdapat juga komen yang mengatakan

bahwa penggunaan bahasa yang bercampur aduk. Responden berpendapat percampuran ini ditakuti bakal menimbulkan kekeliruan kepada orang ramai.

Ejaan perkataan yang disingkatkan juga mendapat perhatian daripada responden. Mereka berpendapat, memandangkan papan tanda adalah untuk tatapan dan kemudahan awam, lantas bahasa yang digunakan seharusnya lengkap dan rasmi. Singkatan ejaan memberi gambaran sesuatu yang tidak rasmi.

Selain dari itu juga, singkatan ejaan, ada responden yang memberi komen bahwa terdapat “ejaan tunggang langgang” di papan tanda. Walaubagaimanapun, pengkaji tidak dapat memastikan samada masalah ini berlaku di papan tanda milik kerajaan atau persendirian. Manakala 5.9% responden member komen tentang kesilapan tatabahasa. Antara komen adalah “banyak tatabahasa salah pada papan tanda” dan “penggunaan tatabahasa tidak tepat dan ramai keliru”. Ada juga responden yang member komen bahwa “banyak penambahbaikan perlu dibuat” dan menyarankan Pihak Berkuasa Tempatan agar menggunakan “bahasa berwajib”.

#### 4. Saranan dan Cadangan

Seperti kajian terdahulu, kajian ini tidak bertujuan untuk mencari kesalahan dan menuding jari kepada pihak-pihak tertentu. Objektif kajian ini adalah untuk penambahbaikan dan memastikan semua pihak melaksanakan amanah kerajaan yang telah lama termaktub di dalam Perlembagaan, Dasar-Dasar Kerajaan dan Arahan Pentadbiran Kerajaan Negeri. Perkembangan bahasa Melayu memerlukan usaha untuk menggerak dan membinanya. Segala inisiatif yang diambil secara meluas dan konsisten dapat menghasilkan satu keputusan yang positif dan seterusnya menjadikan bahasa Melayu bahasa yang setanding bahasa berpengaruh yang lain seperti bahasa Inggeris dan Cina. Walaubagaimanapun, inisiatif ini hanya dapat direalisasikan



sekiranya tanggungjawab untuk mempertingkatkan dan mewajakan bahasa ini digalas bersama.

Langkah-langkah yang lebih strategik, berhikmah dan proaktif perlu dirangka agar aspirasi kerajaan dapat dicapai khususnya oleh pihak-pihak yang bertanggungjawab. Berikut adalah cadangan dan saranan yang boleh digunakan:

1. Memberi makluman dan kesedaran kepada pemilik-pemilik premis tentang reaksi dan rungutan masyarakat setempat tentang keadaan yang berlaku sekarang.
2. Memasukkan syarat-syarat tertentu dalam garis panduan permohonan iklan dan papan tanda dengan meletakkan bahasa Melayu/bahasa kebangsaan sebagai bahasa utama.
3. Atau memandangkan tiada frasa yang menggalakkan penggunaan bahasa Melayu dalam garis panduan pada papan-papantanda Pihak Berkuasa Tempatan, dicadangkan agar dimasukkan frasa yang menggalakan/mewajibkan penggunaan bahasa Melayu dalam garis panduan tersebut.
4. Menyediakan insentif sebagai galakan untuk menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa papan tanda. Insentif seperti mengurangkan kadar bayaran untuk permit papantanda tersebut sekiranya bahasa Melayu digunakan.
5. Sehubungan dengan galakan yang diberikan dalam perkara 1 dan 2 di atas, proses pemantauan perlu dilaksanakan untuk memastikan wujudnya perubahan.
6. Pihak Berkuasa Tempatan perlu mengiatkan lagi usaha untuk mempromosi bahasa Melayu/kebangsaan dengan memperbanyakkan papan tanda dalam bahasa Melayu.
7. Pihak Berkuasa Tempatan bekerjasama dengan Dewan Bahasa dan Pustaka untuk memastikan penggunaan bahasa Melayu/kebangsaan digunakan sepenuhnya.
8. Atau Pihak Berkuasa Tempatan boleh melantik satu badan perunding sama ada agensi kerajaan seperti (Dewan Bahasa dan Pustaka dan Universiti) atau

swastadalam membantu mempertingkatkan usaha mempromosi bahasa Melayu di Bintulu.

## 5. Kesimpulan

Walaupun wujudnya berbagai bangsa dan kaum etnik yang bangga dengan bahasa mereka sendiri, bahasa Melayu telah lama dan sentiasa berada di hati semua masyarakat di Malaysia. Malah, bahasa Melayu boleh dikatakan sebagai identiti dan simbol patriotisme masyarakat Malaysia dan telah menjadi sebahagian besar dalam kehidupan mereka. Bahasa Melayu adalah penjalin hubungan dan pengikat keharmonian perpaduan antara kaum yang berbilang bangsadi Malaysia. Kajian ini adalah satu instrumen ukuran untuk meninjau sejauhmana bahasa Melayu menjadi keutamaan Pihak Berkuasa Tempatan dan masyarakat sesebuah tempat di Malaysia. Kajian ini adalah usaha membantu memartabat dan melestarikan bahasa Melayu yang telah berkurun lamanya dinobatkan sebagai bahasa *lingua franca* di Nusantara.

